

## PUSAT SEMBELIH TIADA SIJIL HALAL

# Waspada terbeli ayam haram

Mohd Helmi Irwadi Mohd Nor  
dan Mohd Amin Jalil  
am@hmetro.com.my

## Seremban

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) mengesan sekurang-kurangnya 20 pusat atau rumah penyembelihan ayam di negeri ini tidak memiliki sijil perakuan halal.

Pengarah JHEAINS Datuk Selamat Paigo berkata, menurut rekod jabatan hanya lapan pusat atau rumah penyembelihan itu memiliki sijil berkenaan daripada pihaknya.

"Justeru, masyarakat Islam di negeri ini diminta berwaspada ketika membeli ayam di pasar raya kerana dikhuatiri haiwan itu yang dibekalkan tidak mengikut syarak dari segi penyembelihan.

"Keadaan boleh menimbulkan kebimbangan terutama pengguna Islam kerana mereka mungkin terbeli daging ayam yang disembelih tidak mengikut syarak," katanya di pejabatnya, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas viral di Facebook yang memaparkan seorang kakitangan JHEAINS menyampaikan tazkirah mengenai status halal ayam dibeli, semalam.

Tazkirah di Masjid Jamek di sini berdurasi selama 25 minit antara lain menasihatkan orang ramai membeli ayam yang ditandakan Sijil Pengekalan Halal Malaysia.

Selamat menjelaskan

di Negeri Sembilan hanya lapan rumah sembelihan ayam memiliki sijil perakuan halal dan diyakini mengikut syarat sah sembelih.

Lapan pusat itu adalah Kerabat Processing House (Pedas) Sdn Bhd, Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri, PK Agro Industrial Products (M) Sdn Bhd, Syarikat Perniagaan Haji Budin, Ayamega Sdn Bhd, Gemesta Puyuh Enterprise, Treezayu Enterprise dan Arah Warga Sdn Bhd.

Selamat berkata, 20 pusat penyembelihan ayam di negeri ini yang tiada sijil halal bagaimanapun berdaftar dengan pihaknya.

"Premis itu milik orang bukan Islam dan pihak kami (JHEAINS) sedang mengenal pasti sama ada ayam yang dibekalkan mereka kepada pasar raya ditandakan halal atau sebaliknya sehingga terbeli oleh orang Islam," katanya.

Menurutnya, disebabkan masalah bakal timbul jika pengguna Islam terbeli ayam disembelih tidak mengikut syarak, masyarakat Islam diminta berhati-hati dan meneliti sijil halal yang ditanda.

"Setiap pasar raya yang menjual daging

ayam kita tidak tahu daripada mana bekalan diperoleh.

"Ia mungkin daripada pusat penyembelihan yang memiliki sijil sah atau mungkin sebaliknya. Untuk mengelak berlakunya syak wasangka, pastikan sewaktu mengunjungi pasar raya ada papan tanda tertera sijil halal," katanya.

Beliau percaya, jika ayam yang dijual di pasar raya tiada tanda halal, ia mungkin disembelih tidak mengikut kaedah syarak.

"Jika keadaan ini berlaku, masyarakat Islam ada baiknya membelinya daripada orang Islam di pasar basah dan kita yakin ia disembelih mengikut syarak," katanya.

Menurutnya, ada dalam kalangan beberapa pasar raya di negeri ini menjual ayam pada harga yang murah tetapi tiada jaminan ia adalah halal.

“Untuk mengelak syak wasangka, pastikan pasar raya ada tertera sijil halal Selamat Paigo”

